

**MAKLUMBALAS KERATAN AKHBAR –
KAKITANGAN KONTRAK SEKTOR AWAM MOHON
TIDAK DISISIH KE JAWATAN TETAP**

Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada surat bertajuk “ **Kakitangan Kontrak Sektor Awam Mohon Agar Tidak Disisih Ke Jawatan Tetap**” bertarikh 3 September yang disiarkan dalam ruangan ini. Secara dasarnya, pelantikan pegawai teknikal Gred J41 secara ‘*Contract For Service*’ (CFS) yang berkhidmat di KKR merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pelantikan pegawai CFS telah dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2009 dan atas faktor kepentingan perkhidmatan dan keperluan, tempoh perkhidmatan mereka telah berterusan sehingga ke hujung tahun ini bagi membantu pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang.

Bayaran perkhidmatan kepada pegawai CFS adalah berdasarkan kepada konsep pembelian perkhidmatan di mana bayaran telah ditetapkan terhad kepada gaji, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan Imbuhan Tetap Perumahan selaras dengan gred jawatan yang diluluskan oleh Kerajaan. Disamping itu, pegawai CFS turut layak diberikan kemudahan ketika menjalankan tugas rasmi seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian dan juga lain-lain kemudahan serta bayaran yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan termasuk bantuan perubatan, imbuhan tahunan, bantuan khas kewangan dan kenaikan gaji pada tahun 2012.

Bagi menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan, KKR telah mengemukakan permohonan agar pegawai CFS dipertimbangkan sewajarnya untuk pelantikan ke jawatan tetap di dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, urusan pelantikan tetap adalah tertakluk dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berkenaan di mana pegawai dikehendaki membuat permohonan serta mematuhi prosedur pengambilan yang telah ditetapkan untuk pelantikan ke jawatan tetap tertakluk kepada kekosongan jawatan, kelayakan dan prestasi pemohon semasa sesi temuduga.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KERJA RAYA**